



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 4/2005**

TARIKH KELUARAN: 30 NOVEMBER 2007



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh Keluaran: 30 November 2007**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh: 30 November 2007

**CUKAI PEGANGAN ATAS PENDAPATAN KELAS KHAS
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 4/2005**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan perubahan layanan cukai ke atas perkara-perkara berikut:-
 - a. pengecualian untuk pendapatan kelas khas tertentu yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(iii), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967; dan
 - b. akibat kegagalan memotong dan meremit cukai daripada pendapatan kelas khas - subseksyen 109B(2), ACP 1967.
2. Bagi tujuan penjelasan, keseluruhan perenggan 8 Ketetapan Umum No. 4/2005 telah disusun semula dan digantikan dengan perenggan baru di bawah. Perenggan ini juga memasukkan pengecualian spesifik yang diberi kepada pendapatan kelas khas yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 berhubung dengan pendapatan yang diterima daripada syarikat perkapalan Malaysia. Pengecualian itu dijelaskan dalam perenggan 8.3(ii) Tambahan ini.

**“8. Sewa atau pembayaran lain bagi penggunaan harta alih - perenggan 4A(iii),
ACP 1967**

8.1 Perenggan 4A(iii), ACP 1967 terdiri daripada sewa atau pembayaran lain dibuat bagi penggunaan mana-mana harta alih yang dimiliki oleh orang yang tidak bermastautin, termasuk sewa atau pembayaran lain yang dibuat bagi penggunaan pelantar penggerudian minyak, bot, kapal, kereta, kapal terbang atau lain-lain peralatan. Berikut adalah aktiviti yang tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967.

(i) **Penyewaan ruang (*slot hire*)**

Penyewaan ruang (*slot hire*) adalah di mana penyewa mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan sesuatu ruang (*slot*) tertentu di dalam sebuah kapal di mana orang lain tidak berhak menggunakan ruang (*slot*) tersebut. Pembayaran yang dibayar untuk penyewaan ruang adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar.

(ii) **Pajakan kapal**

Penggunaan eksklusif sesebuah kapal yang disewa khas, sama ada kosong ataupun bersama anak-anak kapal, akan mengakibatkan pembayaran yang dibuat kepada tuan punya kapal tidak bermastautin itu



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh: 30 November 2007

tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967 dan ianya tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas penerimaan kasar.

(iii) **Sewa khas mengikut masa**

Sewa khas mengikut masa adalah sesebuah kapal disewakan untuk suatu tempoh tertentu. Oleh itu, jika kapal tersebut disewakan, katakan untuk 3 tahun, cukai pegangan pada kadar 10% atas amaun kasar mestilah dipotong daripada pembayaran atau fi sewaan yang dibayar berhubung dengan penggunaan kapal tersebut.

(iv) **Sewa khas mengikut pelayaran**

Sewa khas mengikut pelayaran adalah sesebuah kapal disewakan untuk suatu pelayaran tertentu, katakan dari Pelabuhan A ke Pelabuhan B. Jika sebuah kapal disewakan berhubung dengan suatu pelayaran tertentu, fi sewaan khas yang diterima adalah tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar 10% atas fi kasar.

8.2 Pendapatan berikut tidak tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967:-

(i) **Caj tambang muatan**

Caj tambang muatan yang dibayar kepada orang tidak bermastautin berhubung dengan pengeksportan barang-barang tidak tergolong di bawah skop perenggan 4A(iii), ACP 1967 kerana ia adalah fi untuk menghantar barang-barang dan bukan pembayaran bagi menggunakan harta alih.

8.3 Pendapatan berikut yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Pengecualian Cukai Pendapatan:-

(i) **Aturan secara 'pool'**

Orang tidak bermastautin memperolehi pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan secara 'pool' oleh sebuah syarikat bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan mengangkut penumpang atau kargo melalui laut adalah secara khusus dikecualikan daripada cukai pegangan di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.25) 1995 - [P.U. (A) 322/1995]. Oleh itu,



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh: 30 November 2007

peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu.

(ii) Pendapatan diterima daripada syarikat perkapalan Malaysia

a. Orang tidak bermastautin di Malaysia memperoleh pendapatan di bawah perenggan 4A(iii), ACP 1967 daripada syarikat perkapalan Malaysia, yang terdiri daripada pembayaran yang dibuat di bawah suatu perjanjian atau aturan bagi penggunaan kapal diberi pengecualian secara khusus di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2007 - [P.U. (A) 58/2007]. Pendapatan penyewaan ini adalah yang berkaitan dengan penggunaan kapal berasaskan sewa khas mengikut pelayaran, sewa khas mengikut masa atau sewa khas kapal kosong. Oleh itu, peruntukan cukai pegangan di bawah seksyen 109B, ACP 1967 tidak terpakai kepada pendapatan yang dikecualikan itu. Pengecualian ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

b. Bagi tujuan pengecualian ini, perkataan di bawah mempunyai maksud berikut:-

“kapal” ertinya kapal pelayaran di lautan selain daripada feri, tongkang, bot tunda, kapal bekalan, bot kelasi, tongkang pengangkut, kapal korek, bot nelayan atau lain-lain kapal yang serupa;

“kapal kosong” ertinya kapal disewakan tanpa awak-awak atau anak-anak kapal dan penyewa berhak mendapat penggunaan eksklusif kapal tersebut bagi sesuatu tempoh atau sesuatu pelayaran tertentu;

“kapal Malaysia” ertinya kapal pelayaran di lautan yang didaftarkan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952; dan

“syarikat perkapalan Malaysia” ertinya suatu syarikat bermastautin yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang memiliki kapal Malaysia dan menjalankan perniagaan -

a. mengangkut penumpang atau kargo melalui laut dengan kapal;
atau

b. menyewa kapal.”



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**CUKAI PEGANGAN ATAS
PENDAPATAN KELAS KHAS**

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 4/2005
Tarikh: 30 November 2007**

3. Jika tidak memotong dan meremit cukai - subseksyen 109B(2), ACP 1967

3.1 Pada masa ini, orang yang bertanggungjawab membuat pembayaran kepada bukan pemastautin berhubung dengan pendapatan kelas khas yang dikenakan cukai di bawah seksyen 4A, ACP 1967 dikehendaki memotong dan meremit cukai pegangan mengikut peruntukan di bawah subseksyen 109B(1), ACP 1967. Amaun dinaikkan bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kasar kepada bukan pemastautin itu akan dikenakan ke atasnya jika ia gagal memotong dan meremit apa-apa amaun cukai pegangan itu. Jumlah amaun cukai pegangan dan amaun dinaikkan itu adalah hutang beliau kepada Kerajaan dan kena dibayar kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen 109B(2), ACP 1967.

3.2 Berkuat kuasa mulai 2 September 2006, amaun dinaikkan yang akan dikenakan ke atas orang yang gagal memotong dan meremit apa-apa amaun cukai pegangan dipinda kepada bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada amaun cukai pegangan yang gagal dibayar dan tidak lagi bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kasar kepada bukan pemastautin.

Contoh 1

Jika Golden Sdn Bhd gagal memotong dan meremit cukai RM5,000 yang matang dan kena dibayar kepada Ketua Pengarah pada 30 September 2006 atas suatu pembayaran RM50,000 kepada Bright Spark Ltd, maka amaun cukai pegangan yang Golden Sdn Bhd gagal bayar akan dinaikkan sebanyak RM500 (10% daripada RM5,000). Jumlah amaun RM5,500 (cukai pegangan RM5,000 + amaun kenaikan RM500) adalah hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

4. Tambahan ini adalah sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 4/2005 dan berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**